



Kesan kecederaan dapat dilihat di bahagian cangkerang pada bangkal penyu yang ditemui terdampar di Pantai Kuala Kerteh.

Bangkai penyu reput ditemui

KEMAMAN - Bangkai seekor penyu diper-
cayaai jenis karah dijumpai terdampar da-
lam keadaan sudah busuk dan reput di
Pantai Kuala Kerteh, di sini, kira-kira jam 6
petang kelmarin.

Bangkai spesies terancam itu ditemui seorang bapa, Zurimi Wahab, 48, yang datang bersiar-siar dan bersantai di pantai berkenaan.

Zurimi berkata, sebaik melihat kelibat penyu dari jauh, dia segera berlari mengham-piri penyu berkenaan untuk memeriksa.

"Rupa-rupanya ia bangkai penyu dan keadaan bangkainya cukup menyedihkan sebab sudah reput dan pada bahagian ca-nkerangnya ada kesan seperti kena puku-lan objek tumpul."

"Tengok kepada keadaan bangkai, ia mungkin sudah tersadai di tepi pantai selama dua hari dan mungkin sebelum itu ia mungkin hanyut antara dua ke tiga hari,"

katanya yang tinggal di Taman Wan Adnan, yang terletak kira-kira lima kilometer dari pantai terbabit.

Penyu berkenaan dipercayai penyu dewasa dan dianggarkan beratnya melebihi 50 kilogram.

Kata Zurimi, penemuan bangkai penyu itu adalah kes kedua kematian penyu di pantai itu dalam tempoh dua bulan kerana pada bulan lalu, terdapat satu kes pene-muan bangkai penyu.

Menurutnya, penemuan demi pene-muan bangkai penyu di kawasan pesisiran pantai turut merisaukan penduduk kerana dikhuatiri penyu yang menjadi ikonik Te-remganu akan terus pupus seiring dengan peredaran masa.

"Sebab itu saya berharap kes kematian penyu dapat diatasi demi memastikan penyu yang menjadi kebanggaan kita dapat terus dipelihara dan dipulihara," katanya.